

MODENISASI DAN PENGARUH TREND FESYEN DALAM KALANGAN MAHASISWA INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)

**IRA MEILITA BINTI IBRAHIM, TAUFIK BIN A. LATIF, AFI ROSHEZRY
BIN HJ. ABU BAKAR, MUTHUALAGAN A/L THANGAVELU
& EDWIN MICHAEL**

ABSTRAK

Fesyen merupakan satu simbol yang menjadi ikutan oleh golongan atau kalangan masyarakat tertentu. Ia adalah suatu perkara yang subjektif dan bagi golongan muda ia menjadi satu perkara yang penting. Trend, zaman atau masa menjadi antara faktor yang dikatakan berkait rapat dalam memilih sesuatu fesyen terutamanya fesyen berpakaian. Oleh itu lambang kemodenan seseorang itu dapat dilihat dari cara pemakaian. Kertas kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana ketaksuban golongan mahasiswa di IPT terhadap fesyen dalam berpakaian dan adakah pilihan fesyen berpakaian ini melambangkan kemodenan kepada golongan ini? Data untuk kajian ini telah diambil dari tiga IPT di Lembah Kelang dengan 300 orang mahasiswa sebagai responden. Kaedah soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Hasil tinjauan mendapati lebih separuh daripada responden mementingkan fesyen pakaian dalam kehidupan harian mereka. Golongan ini menyatakan bahawa trend fesyen yang dipilih penting sebagai lambang bahawa mereka moden. Jelaslah bahawa dalam kalangan mahasiswa, kemodenan itu diukur melalui cara mereka berpakaian. Namun begitu, majoriti responden masih tidak menganggap berpakaian tradisional itu kolot.

Kata Kunci: *Belia, Modenisasi, Budaya, Trend Fesyen, Tradisional, Moden*

ABSTRACT

Fashion is a symbol which became cult for particular group or society. Fashion is a subjective matter and for youth, fashion is important in their life. Among the factors that is closely related in choosing fashion especially fashion wear is trend or time. Thus, symbol of modernity can be look from fashion wear. This research paper is therefore aimed to observe the obsession of students from Public Higher Educational Institution (PHEI) to fashion wear and whether fashion choice represent modernity? Data for the study was taken from three PHEI's in Klang Valley with 300 undergrads as respondents. Questionnaires were used for data collection in this study. The findings from the survey suggest that more than half of the respondents gave priority to fashion particularly in clothing. This group stated that the trend fashion that they chose is important as it symbolized that they are modern. It is clear that among the students, modernity is measured

through fashion wear. However, majority of the respondents still said that wearing traditional costume is not old-fashioned.

Keywords: *Youth, Modernization, Culture, Trend, Fashion, Traditional*

PENGENALAN

Modenisasi merupakan suatu proses yang baik terutama apabila perkara ini melibatkan kemajuan dalam pelbagai aspek dalam kehidupan. Namun kemodenan ini turut membawa perubahan dalam budaya sesuatu masyarakat. Konsep modenisasi yang dipopularkan oleh barat ini secara tidak disedari telah menyebabkan banyak aspek budaya sesebuah masyarakat kian terhakis. Istilah budaya tradisional kini bertukar kepada budaya moden. Ini termasuklah budaya berpakaian.

Menurut Profesor Dr. Mohd Kamal Hassan (2008), kebudayaan bermaksud keseluruhan cara hidup yang meliputi aspek kebendaan dan kerohanian sesuatu masyarakat dan kebudayaan ini berubah mengikut masa dan tempat. Terdapat budaya yang menjadi penghalang kepada arus kemodenan sesebuah masyarakat dan terdapat juga budaya sesuatu masyarakat yang membawa kebaikan, kecemerlangan dan ketinggian bangsa serta negara. Oleh itu, pakaian merupakan lambang kebudayaan yang mencerminkan identiti, keunikan dan ketamadunan sesuatu masyarakat telah mengalami perubahan besar dalam masyarakat kita terutamanya dalam kalangan belia. Fesyen seseorang itu melambangkan identiti mereka dan ianya penting dalam meneruskan hubungan sesama mereka.

Ryan (2008) mengatakan trend adalah arah aliran dan fesyen pula gaya pakaian, kosmetik, tingkah laku dan lain-lain terutamanya yang terbaru yang menjadi kegemaran ramai. Mengikut trend terutamanya dalam fesyen berpakaian telah menjadi ikutan dalam kalangan belia di negara ini. Ini dapat dilihat dari segi cara pemakaian khususnya dalam kalangan mahasiswa di institusi-institusi pengajian tinggi sama ada swasta atau bukan swasta yang lebih mengikut fesyen barat dan bukan tradisional.

Golongan mahasiswa dikategorikan sebagai golongan belia dan menjadi tulang belakang kepada sesebuah masyarakat dan negara. Golongan ini juga dikatakan memiliki sifat berani mencuba dan sanggup mengambil risiko. Mereka mudah menerima benda-benda baru yang ada di sekeliling mereka termasuklah trend fesyen dalam berpakaian.

Justeru itu, tujuan kajian ini adalah untuk memperoleh gambaran tentang kepentingan fesyen pakaian kepada golongan mahasiswa dan melihat sama ada

fesyen dan trend berpakaian itu melambangkan seseorang itu sebagai moden. Sehubungan dengan itu satu kajian soal selidik telah dilakukan untuk mendapatkan data daripada 300 orang responden dari tiga buah IPTS di Lembah Kelang. Hasil yang diperoleh daripada soal selidik ini telah dianalisis secara deskriptif.

SOROTAN KAJIAN

Perkembangan Fesyen Pakaian Sepintas Lalu

Sejak 25 tahun yang lalu, kajian mengenai pakaian telah menarik kembali minat bidang antropologi dan sosiologi. Terdapat banyak literatur mengenai pakaian yang boleh didapati kini melibatkan pelbagai bidang. Persoalan tentang pakaian bukan sahaja menyentuh struktur sosial malah berkait dengan agensi dan kebiasaan kesan daripada interaksi global. (Hansen. 2004).

Fesyen sentiasa menjadi sebahagian daripada masyarakat, dan selalu dikaitkan dengan penggunaan budaya dan identiti. Kemodenan dalam fesyen telah menjadikannya satu budaya visual – satu gaya hidup yang menggabungkan seni, muzik, popular, dan budaya jalanan, yang menjadi ikutan anak muda dewasa ini. (Joahna. 2007) Fesyen berpakaian merupakan simbol yang membezakan peringkat masyarakat. Ia dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti masa, kuasa, status dalam masyarakat dan kedudukan ekonomi. Sebagai contoh antara golongan bangsawan dan rakyat, golongan atasan dan bawahan, tuan dan pekerja dan sebagainya. Perbezaan itu dapat dilihat pada jenis kain, warna, rekaan pakaian, hiasan dan lain-lain. Oleh sebab itu cara berpakaian itu amat penting dalam memberi gambaran tentang kedudukan seseorang dalam kehidupan dan pendapat ini diterima oleh ramai orang. Perkara ini telah berlaku sejak sebelum abad ke 18. (Simonson. 1944)

Namun begitu, lewat abad ke 18 dan awal abad ke 19, era fesyen moden telah mula berkembang di Eropah dan ia dikatakan seiring dengan perubahan yang berlaku dalam politik. Faktor politik dan sosioekonomi tidak dapat dielakkan dalam membicarakan tentang perubahan ini. Idea demokrasi dan penubuhan kerajaan berbentuk republik telah merubah sosial masyarakat ketika itu. Secara tidak langsung ia turut menyerap ke dalam fesyen masyarakat ketika itu. Proses demokrasi yang memberi peluang rakyat untuk meluahkan sesuatu sama ada perasaan atau pemikiran, mengurangkan kongkongan dan menggalakkan keselesaan telah mempengaruhi perkembangan fesyen pakaian di barat. (Simonson. 1944) Ekoran daripada itu, pakaian pada abad ke 20 dilihat sebagai bukan sahaja simbol demokrasi tetapi juga simbol kecekapan industri moden, seiring dengan kemajuan yang muncul. Oleh yang demikian, mulai dari saat itu cara dan fesyen seseorang berpakaian menjadi tanda seseorang itu moden. Unsur-unsur tradisional pakaian yang dianggap menyesak telah ditinggalkan.

Salah satu faktor yang dikaitkan dengan perubahan ini adalah modenisasi. Proses modenisasi merupakan suatu proses atau pembuatan memodenkan sesuatu. Konsep ini yang dipopularkan oleh barat telah dicanangkan sebagai asas dalam agenda perubahan yang rasional dan teknologikal. Ini diakui oleh Syamsul Amri (2007) yang mengatakan tanpa disedari budaya asing atau pembaratan menyelinap masuk ke dalam budaya tempatan. Ini membawa dampak perubahan bagi sosial dan budaya. Berdasarkan daripada apa yang dapat dilihat pada hari ini banyak aspek budaya dalam masyarakat kita mula terhakis bahkan hilang kesan daripada perubahan ini.


Fesyen Sebagai Lambang Identiti

Turut menjadi faktor kepada perubahan ini adalah munculnya era globalisasi. Perkataan asal bagi globalisasi diambil dari kata global, yang bererti universal. Globalisasi adalah suatu proses di mana antara individu, antara kelompok, dan antara negara saling berinteraksi, bergantung, terkait, dan mempengaruhi satu sama lain yang melintasi batas negara. Menurut Achmad Suparman (2008), "Globalisasi adalah suatu proses menjadikan sesuatu (benda atau perilaku) sebagai ciri dari setiap individu di dunia ini tanpa dibatasi oleh wilayah." Globalisasi mempengaruhi hampir semua aspek yang ada di masyarakat, termasuk di antaranya aspek budaya. Globalisasi sebagai sebuah gejala tersebutnya nilai-nilai dan budaya tertentu keseluruhan dunia (sehingga menjadi budaya dunia atau world culture) telah lama wujud. Cuma perkembangan globalisasi kebudayaan secara intensif terjadi pada awal abad ke 20 dengan berkembangnya teknologi komunikasi. (<http://id.wikipedia.org/wiki/Globalisasi>)

Namun, adakah proses globalisasi mampu menghapuskan budaya dan identiti sesebuah masyarakat sepenuhnya? Adakah budaya menjadi mangsa kepada globalisasi atau hasilnya? Terutamanya apabila istilah globalisasi ini diguna pakai seiring bagi memacu kemodenan dalam sesebuah negara amnya dan masyarakat khususnya. Persoalan ini yang perlu diambil perhatian dan difahami. Ini kerana budaya sering dikaitkan dengan identiti setempat yang dipunyai dan diikuti oleh sesuatu masyarakat seperti bahasa, kepercayaan, kesenian, makanan dan pakaian. Terdapat banyak pendapat diberikan oleh para sarjana mengenainya. Antaranya Tomlinson (1999) menyatakan bahawa perubahan yang berlaku pada identiti budaya sesebuah masyarakat atau negara itu bukan menandakan ia musnah tetapi ia memperkembangkan identiti lokal sedia ada dengan elemen-elemen baru. Apa yang penting adalah melihat kesan yang dibawa oleh globalisasi iaitu 'membebaskan' identiti budaya dari 'cengkaman' tradisi setempat dan bukan melihatnya menjadikan budaya sebagai mangsa kepada perluasan budaya atau *cultural imperialism* yang disebarkan oleh barat.


Sebagai contoh pakaian tradisional bagi etnik Melayu, Cina dan India telah melalui perubahan akibat daripada modenisasi dan globalisasi ini. Perubahan

boleh dilihat dari segi rekaan, material kain dan corak. Pengaruh budaya lain juga dapat dikesan dalam fesyen pakaian tersebut. Perubahan ini jika dilihat dari satu sudut amat perlu terutama dalam menarik perhatian orang muda untuk memakainya. Selain itu ia memberi ruang untuk berkreaitif sama ada bagi pereka fesyen mahupun si pemakai tanpa meninggalkan sepenuhnya ciri-ciri tradisi. (Rujuk Gambar 1) Kemajuan teknologi juga turut membantu perkembangan fesyen ini.



Gambar 1: Baju kurung, Cheongsam dan Kurta wanita

Dalam konteks negara Malaysia, fesyen golongan muda bukan sahaja berkaitan dengan peribadi dan tahap sosiobudaya, tetapi selera dan minat mereka seperti hiburan, sukan dan kegiatan masa lapang. (Rujuk Gambar 2) Umumnya golongan ini peka terhadap apa yang dipakai dan digayakan dan sedar bahawa fesyen sebahagian daripada budaya mereka. Fesyen dan pakaian menjadikan mereka lebih menonjol dan terserlah. Fesyen berubah dari semasa ke semasa. Informasi baru tentang fesyen mudah diperoleh melalui media dan produk hiburan seperti internet, filem, majalah, buku, video dan televisyen.



Gambar 2: Fesyen pakaian moden

Fesyen ialah bahasa yang bukan sahaja menceritakan diri yang memperagakannya, tetapi juga bayangan nilai hidup mereka. Fesyen pakaian yang dipilih perlu menitik berat nilai-nilai setempat seperti tradisi dan adat yang sesuai kerana sedikit sebanyak ia dapat membantu pembentukan kehidupan yang lebih sopan. (Hanapi, 2008) Kita tidak patut meniru bulat-bulat fesyen pakaian barat terutamanya yang melanggar adat ketimuran yang masih dipelihara oleh

masyarakat di negara ini. Fesyen, biar sehebat mana jenamanya, biar setinggi langit pengiktirafan yang diberikan kepada penciptanya, tetap tidak membawa sebarang erti jika kita yang menggayakannya tidak berasa selesa. Apa yang penting di sini adalah keselesaan dan kesederhanaan. Selesa dan sopan tatkala berfesyen sudah pasti dapat membina keyakinan dan keterampilan diri.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian berbentuk soal selidik diadakan untuk mendapatkan data daripada 300 orang responden dari tiga buah IPT di Lembah Klang. Tiga IPT tersebut ialah Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kolej Universiti Taylor dan Kolej Universiti Sunway. Kaedah pensampelan yang digunakan adalah pensampelan rawak berstrata mengikut kadar. Menurut Lim Chong Hin (2007) pensampelan tersebut merujuk kepada setiap strata diwakili dalam sampel mengikut kadar masing-masing dalam populasi pemboleh ubah tak bersandar. Kertas soal selidik berkenaan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

- i. Latar belakang (umur, jantina, keturunan dan status);
- ii. Fesyen pakaian dan anda (kecenderungan dalam memilih fesyen dan faktor-faktor yang mempengaruhinya); dan
- iii. Antara moden dan tradisional (melihat minat dalam pemilihan pakaian antara fesyen moden dan tradisional).

Hasil soal selidik tersebut dianalisis menerusi analisis deskriptif iaitu berfokuskan kepada peratusan.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan melalui soal selidik mendapati kira-kira 57 peratus responden bersetuju bahawa fesyen berpakaian amat penting dalam kehidupan harian mereka. Manakala selebihnya iaitu 43 peratus responden lagi mengatakan tidak kepada kepentingan fesyen dan pakaian dalam kehidupan mereka. Kecenderungan mementingkan fesyen pakaian ini paling ketara dalam kalangan responden perempuan. (Rajah 1) Ini kerana tinjauan mendapati hampir 80 peratus responden yang bersetuju bahawa mereka begitu mementingkan fesyen pakaian dalam kehidupan seharian ialah pelajar perempuan. (Rujuk Rajah 2) Ini bersesuaian dengan pendapat Craik:

"To some extent, the shortage of fashion products available for men was dictated by established conventions of masculinity which tended to equate 'fashion with women', regarding them as 'the fashionable gender of the species'". (2006:107)

Hasil tinjauan juga mendapati bahawa golongan mahasiswa di IPT mengutamakan kualiti apabila memilih fesyen pakaian. Dari segi kualiti pakaian, sebanyak 46 peratus responden memilih rekaan dan jenis kain (keselesaian) sebagai faktor utama. Ini diikuti oleh harga (27 peratus), jenama (17 peratus) dan trend (10 peratus) pakaian tersebut. (Rujuk Rajah 3)

Trend fesyen pakaian yang menjadi pilihan utama responden dalam tinjauan ini dilihat dipengaruhi oleh dua aliran utama iaitu trend berdasarkan budaya, seperti Busana Muslim, Vintage, Hippie dan Bohemian, dan diikuti dengan trend berdasarkan aliran muzik seperti hip hop dan rock. Berdasarkan corak trend yang menjadi pilihan responden pula didapati trend fesyen dari luar negara banyak mempengaruhi fesyen pakaian golongan mahasiswa di negara ini. Hal ini turut terbukti apabila jenama dari luar negara seperti NIKE, ADIDAS, HUSH PUPPIES menjadi pilihan utama dalam kalangan responden yang mementingkan jenama sebagai kecenderungan apabila memilih fesyen pakaian mereka. Menurut Hareem (2011) jenama digunakan oleh pengguna sebagai diri. Apabila sesuatu jenama memiliki personaliti yang kuat yang konsisten dengan imej pengguna kebarangkalian untuk jenama tersebut terus digunakan amat besar. Dan ini mungkin sebabnya mengapa golongan ini memilih jenama luar.

Tambahan lebih separuh daripada responden menggemari atau selesa dengan pakaian moden berbanding pakaian gabungan moden dan tradisional (fusion) dan pakaian tradisional. Hasil tinjauan ini mendapati hampir 80 peratus daripada responden ini selalu dan senang memakai pakaian moden. Hanya kira-kira 20 peratus responden menggemari pakaian tradisional. Hal ini boleh dikaitkan dengan faktor jarang memakai dan jarang membeli pakaian ini. (Rujuk Rajah 4)

Kesanggupan berbelanja dalam membeli pakaian adalah agak sama. Kebanyakan responden sanggup dan sedia berbelanja antara RM 50.00 hingga RM 100.00 bagi membeli sehelai pakaian. Hal ini mungkin berkaitan dengan faktor mengutamakan kualiti dalam memilih fesyen pakaian menyebabkan golongan ini sanggup dan sedia berbelanja lebih bagi membeli sehelai pakaian. Di samping itu, mementingkan jenama luar negara turut mempengaruhi kesediaan responden berbelanja ketika membeli pakaian. Walau bagaimanapun hanya sedikit sahaja iaitu kira-kira 10 peratus sahaja yang sanggup berbelanja lebih daripada jumlah itu (RM 150.00 ke atas) dalam membeli sehelai pakaian. Keadaan ini disebabkan mereka masih menuntut dan tidak mempunyai sumber kewangan sendiri. Justeru itu, boleh diandaikan bahawa antara faktor yang menyebabkan majoriti responden jarang membeli pakaian tradisional adalah kerana harga pakaian ini selalunya lebih tinggi dan selain itu pakaian tradisional ini hanya akan dipakai pada waktu tertentu seperti sambutan perayaan atau kenduri/keramaian. Hal ini berbeza dengan pakaian moden yang harganya lebih rendah berbanding pakaian tradisional. lebih kerana dinakai dan selalu dibeli oleh responden

Media effect theorists percaya pendedahan media yang berpanjangan akan mempengaruhi perlakuan atau kepercayaan individu. (Media dalam konteks ini merangkumi semua jenis iaitu filem, televisyen, internet, radio, buku, majalah, akhbar, laman sesawang dan muzik. Berdasarkan hasil tinjauan, tingkah laku lebih 60 peratus responden memperoleh maklumat tentang fesyen dari majalah. Bagi medium media elektronik pula, televisyen merupakan sumber utama bagi mahasiswa di kawasan Lembah Kelang ini bagi mendapatkan informasi tentang fesyen terkini. Selebihnya memilih internet dan filem sebagai sumber rujukan tentang fesyen pakaian yang terdapat di pasaran. Jelaslah, majalah dan televisyen banyak mempengaruhi responden dalam tinjauan ini tentang fesyen pakaian dan seterusnya mempengaruhi mereka dalam memilih fesyen pakaian.

Selain daripada itu terdapat faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi responden dalam memilih fesyen dan trend pakaian mereka iaitu 55 peratus responden menyatakan rakan sebaya turut menjadi sumber maklumat utama yang mempengaruhi golongan ini memilih fesyen pakaian mereka. Ini menunjukkan golongan ini lebih mempercayai rakan sebaya mereka. Selebihnya, responden turut dipengaruhi oleh faktor keluarga dan agama. Menurut Simmel (1971), terdapat dua dinamik dalam fesyen yang berlawanan, iaitu peniruan atau *imitation* dan perbezaan atau *differentiation*. Golongan belia amat mengambil berat akan pandangan rakan sebaya kerana ia akan mempengaruhi kedudukan mereka dalam kelompok tertentu. (Dant, 1999) Mereka yang bermotivasi tinggi untuk menjadi sebahagian daripada sesuatu kelompok harus sentiasa sedar akan tanda-tanda fesyen, bukan sahaja dari kelompok yang ingin disertai bahkan dari kumpulan lain yang kurang menarik supaya dapat mengelakkan tanda-tanda yang salah. (Hareem. 2011)

Hasil tinjauan juga mendapati dua bentuk pandangan terhadap pemakaian pakaian tradisional di negara ini. Sebahagian responden menyatakan pakaian tradisional dapat mencerminkan sesuatu budaya, identiti sesebuah masyarakat dan menunjukkan tahap kesopanan yang tinggi sebagai alasan menolak pandangan bahawa seseorang yang berpakaian tradisional itu dianggap kolot. Malah majoriti responden menyatakan bahawa pakaian tradisional masih relevan dan sesuai dalam arus kemodenan hari ini walaupun tidak banyak antara mereka yang kerap memakai dan membeli pakaian ini. Namun begitu terdapat segelintir responden yang berpendapat sebaliknya. Mereka bersetuju dengan tanggapan bahawa berpakaian tradisional itu kolot kerana pakaian tradisional hanya sesuai dipakai pada waktu-waktu tertentu sahaja, tidak selesa dan ketinggalan zaman.

Tinjauan turut mendapati bahawa sebilangan responden menganggap bahawa "fusion", iaitu pakaian tradisional yang digabungkan dengan fesyen pakaian terkini sebagai pakaian moden. Ini jelas menunjukkan bahawa golongan ini masih memandang tinggi dan menerima dengan baik perubahan yang berlaku

dalam pakaian tradisional. Walaupun begitu, hasil tinjauan ini mendapati lebih 65 peratus responden bersetuju bahawa generasi muda masa kini terlalu mengikut trend fesyen sehingga melupakan tradisi asal mereka.

(Rujuk Rajah 5). Jelaslah, golongan ini sedar bahawa fesyen pakaian yang dipilih menyebabkan golongan muda semakin meninggalkan ciri-ciri tradisi yang menjadi amalan masyarakat selama ini. Alasan utama yang diberi oleh responden bahawa golongan belia masa kini terlalu mengagung-agungkan fesyen yang dibawa dari luar terutamanya dari barat dan Jepun.

IMPAK GLOBALISASI KE ATAS INDUSTRI FESYEN

Globalisasi mewujudkan limpahan fesyen yang dijual oleh peruncit-peruncit gergasi. Urus niaga transnasional dan pengedaran barangan ke seluruh dunia dilakukan melalui komputer. Hal ini menyebabkan industri fesyen mudah untuk diakses. Kini jenama atau logo korporat seperti Levis, Nike, atau Seed dijual di bawah satu bumbung berbanding dahulu yang mana jenama-jenama ini hanya dijual di butik-butik eksklusif. Ini membantu perkembangan industri pakaian di negara-negara di dunia. Pakaian jenama Nike hari ini bukan sahaja dikeluarkan di negara asal, malah di negara-negara lain seperti Malaysia, Thailand dan Indonesia.

Pengaruh media masa kini mewujudkan satu gaya global dalam trend fesyen. (Crane. 2000). Jeans, baju-T, kasut olahraga dan topi *base ball* menjadi trend pakaian semasa golongan muda bukan sahaja di negara ini bahkan di negara-negara Asia dan Afrika. Hal ini menyebabkan pakaian ini mendapat permintaan yang tinggi terutama daripada golongan muda di negara ini. Pakaian ini mudah diperolehi kerana dijual di mana-mana premis, dari pasar malam hinggalah ke butik-butik. Gaya global ini dapat memenuhi cita rasa golongan berpendapatan rendah hingga golongan atasan. Justeru itu wujudlah jenama tiruan bagi memenuhi permintaan golongan berpendapatan rendah.

Impak globalisasi yang terakhir, berlakunya peminjaman gaya dan fesyen antara Asia dan Barat. Di negara ini, kesan peminjaman ini telah menghasilkan gaya fusion yang menjadi ikutan golongan muda. Hasil tinjauan mendapati sebilangan mahasiswa berpendapat gabungan pakaian tradisional dan fesyen pakaian terkini sebagai pakaian moden. Contohnya baju Melayu yang dipadankan dengan seluar jeans. Fesyen ini menjadi ikutan dan seterusnya menjadi trend dalam kalangan golongan muda di negara ini. Ini seterusnya mengakibatkan fesyen pakaian tradisional turut mengalami evolusi bagi memenuhi cita rasa golongan muda. Kini terdapat fesyen baju Melayu ala kemeja dan kurta yang menggunakan fabrik daripada batik.

KESIMPULAN

Apabila memperkatakan tentang fesyen, ia tidak hanya dilihat dari sudut pandangan barat (sistem barat) malah harus melibatkan sistem setempat yang mempunyai asas budaya tersendiri. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap orang, tidak kira di mana pun mahukan “yang terkini”. Keinginan untuk “bergerak bersama fesyen” dan “sentiasa bergaya” telah meningkat dalam masyarakat di negara ini terutamanya dalam kalangan generasi muda. Pakaian merupakan elemen penting yang menggambarkan budaya sesuatu masyarakat. Kesan arus pemodenan, kemasukan trend fesyen dari luar yang dikatakan lebih terkini dan moden serta selesa dikatakan mengancam pakaian tradisional sesuatu masyarakat.

Bahkan berdasarkan tinjauan ini, golongan muda, iaitu mahasiswa di IPT amat mementingkan fesyen pakaian dalam kehidupan harian mereka dan fesyen pakaian moden menjadi kegemaran mereka berbanding pakaian tradisional. Namun begitu, golongan ini masih menghargai pakaian tradisional yang dianggap masih relevan dan sesuai pada era globalisasi ini. Baju ‘etnik’ atau tradisional tidak boleh dipinggirkan, ia masih dinamik dan berubah, dan ia turut menjadi ikutan pada satu-satu masa.

RUJUKAN


- Bennet, Andy. 2009. *Culture and Everyday Life*. London: SAGE Publications.
- Bolarin, T.A. dan Oluwatobi Pemedede. 2008. Dress Code: Striking a Balance Between Modernity and Modesty in Nigerian Higher Institutions of Learning. *Pakistan Journal of Social Sciences* 5, 6. 498-501. Dicapai pada 18 Mac 2011.
- Brusdal, Ragnhild and Randi Lavik. 2008. Just shopping?: A closer look at youth and shopping in Norway. *Young*, 16. 393-408. Dicapai pada . <http://you.sagepub.com/content/16/4/393>
- Crane, Diana. 2000. *Fashion and Its Social Agendas: Class, Gender and identity in Clothing*. Chicago: University of Chicago Press,. Dicapai pada 18 September 2011. <http://books.google.com.my/books>
- Dant, Tim. 1999. *Material Culture in the Social World*. Buckingham: Open University Press.
- _____. “Globalisasi.” Dicapai pada 30 September. <http://id.wikipedia.org/wiki/Globalisasi>

- Hanapi Dollah. 2008. Fesyen dan Sahsia Remaja. Dewan Masyarakat, vol. 30, 90: 10-11.
- Hansen, Karen Tranberg. 2004. The World in Dress: Anthropological Perspectives on Clothing, Fashion, and Culture. *Annual Review of Anthropology*, vol. 33: 369-392. Dicapai pada 30 September 2011, <http://www.jstor.org/stable/25064858>
- Hareem Zeb, Kashif Rashid, and M.Bilal Javeed. 2011. Influence of Brands on Female Consumer's Buying Behavior in Pakistan. *International Journal of Trade, Economics and Finance*, vol. 2, 3: 225-231. Dicapai pada 25 August 2011.
- <http://www.ac.aup.fr/~a60005/pdfs/convergence.pdf#page=7>
- <http://www.ijtef.org/papers/107-F504.pdf>
- Hirschberg, Stuart and Hirschberg, Terry. 2001. *Everyday, Everywhere: Global Perspectives on Popular Culture*. Singapore: McGraw-Hill Higher Education.
- Joahnnna Lindsey Te. 2007. Modernity in Fashion: Reinforcing Identity in the Philippines. *Convergence*. vo.1, 1: 7-14. Dicapai pada 10 September, 2011.
- Lily Haslina Nasir. 2008. Fesyen Sopan Membina Keterampilan. Dewan Masyarakat, vol. 30, 9: 12-13.
- Lim, C.H. 2007. *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Maynard, M. 2004. *Dress and Globalisation*. Manchester: Manchester University Press.
- Mohd. Kamal Bin Hassan. *Keutuhan Budaya dan Moral*. Kuala Lumpur: Matang Cipta Sd. Bhd.
- Pole, Christopher. 2007. Researching Children and Fashion: An Embodied Ethnography. *Childhood*, vol.14, 1: 67-84. Dicapai pada 24 Mei 2008. <http://www.sagepublications.com>
- Reilly, Andrew, Nancy A. Rudd and Julie Hillery. 2008. Shopping Behavior Among Gay Men: Issues of Body Image. *Clothing and Textiles Research Journal*, 26: 313-326. Dicapai pada 15 September, 2011. <http://ctr.sagepub.com/content/26/4/313>


- Reward, C. & Evans, C. 2005. *Fashion and Modernity*. Oxford: Berg Publishers.
- Ryan, M. (ed.). 2008. *Cultural Studies: An Anthology*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Richards, Agnes Gertrude. 1917. The Spirit of the Times Reflected in Costume Art. *Fine Arts Journal*, Vol. 35, 4: 312-316. Dicapai pada 3 September, 2011. <http://www.jstor.org/stable/25603524>
- Simonson, Lee. 1944. Fashion and Democracy. *The Metropolitan Museum of Art Bulletin, New Series*, vol. 3, 3 (): 65-72. Dicapai pada 29 September, 2011. <http://www.jstor.org/stable/3257228>.
- Stuart, Evelyn Marie. 1915. Fashion Art of Today and Yesterday. *Fine Arts Journal*, vol. 32, 2: 78-84. Dicapai pada 30 September 2011. <http://www.jstor.org/stable/25603472>.
- Syamsul Amri. 2007. Perubahan sosial budaya. Dicapai pada 9 Mei, 2008, http://www.uny.ac.id/akademik/sharefile/files/1412200795812_Makalah.rtf
- Tomlinson, John. 1999. Globalization and Cultural Identity. Dicapai pada 18 Mac 2011. <http://www.polity.co.uk/global/pdf/gtreader2etomlinson.pdf>
- Fashionable Quandry. 2009. *The Star*. 12 April 2009.

Graf Kajian


Rajah 1: Kepentingan fesyen berpakaian




Rajah 2: Perbandingan Peratusan kepentingan berfesyen mengikut jantina




Rajah 3: Peratusan kualiti pemilihan pakaian



Rajah 4: Peratusan kecenderungan pemilihan pakaian moden dan tradisional



Rajah 5: Peratusan generasi muda mengikut trend berfesyen**Profil Penulis**

Ira Meilita Binti Ibrahim

Pensyarah

Fakulti Industri Kreatif, Jabatan Pengajian Am

Universiti Tunku Abdul Rahman

meilita@utar.edu.my

Taufik B. A Latif

Senior Lecturer/ Head Department

Fakulti Industri Kreatif, Jabatan Pengajian Am

Universiti Tunku Abdul Rahman

taufik@utar.edu.my

Afi Roshezry Abu Bakar

Pensyarah / Ketua Jabatan

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Jabatan Kewartawanan

Universiti Tunku Abdul Rahman

afi@utar.edu.my

Muthualagan S/O Thangavelu

Pensyarah

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Jabatan Kewartawanan

Universiti Tunku Abdul Rahman

muthualagan@utar.edu.my

Edwin Michael a/l Muniandy

Pensyarah

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Jabatan Kewartawanan

Universiti Tunku Abdul Rahman

edwinm@utar.edu.my